



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

KENYATAAN MEDIA

4 Januari 2021

PRESTASI PENGENDALIAN PELABUHAN KLANG TAHUN 2020 DAN KEMAS KINI ISU KESESAKAN DI PELABUHAN

A. PRESTASI PENGENDALIAN PELABUHAN KLANG TAHUN 2020

1. Tidak dinafikan bahawa 2020 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran bagi kebanyakan pelabuhan kontena di dunia termasuk Pelabuhan Klang. Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi jumlah kendalian kontena di seluruh dunia dengan permintaan perdagangan yang lemah akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta penutupan sempadan negara dan sekarang masalah lonjakan operasi yang berlaku dalam tempoh pemulihan.
2. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dengan ini mengumumkan Pelabuhan Klang telah mencatat penurunan dalam pengendalian kontena sebanyak 2.5% pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019 dengan **jumlah pengendalian** sebanyak **13,243,741 TEU**.
3. Jumlah **kontena import** adalah sebanyak **2,558,902 TEU** dengan pertumbuhan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2019. Manakala, jumlah pengendalian **kontena eksport** adalah sebanyak **2,564,900 TEU** dengan pertumbuhan sebanyak 3.2% berbanding tahun 2019. Dari segi pengendalian **pindah kapal** (transhipment), Pelabuhan Klang telah mengendalikan **8,119,939 TEU** iaitu menurun 5.0% berbanding tahun 2019.
4. LPK telah menyasarkan Pelabuhan Klang akan mengalami pertumbuhan pengendalian kontena sebanyak 3.7% pada awal tahun 2020. Unjuran ini telah dikemaskini pada bulan Jun kepada 16.3% setelah ekonomi Malaysia mengalami kelembapan akibat pelaksanaan PKP selama tiga bulan di seluruh Malaysia sebagai langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di negara ini.
5. Unjuran ini seterusnya dikemaskini kepada penurunan sebanyak 2.5% memandangkan prestasi ekonomi Malaysia meningkat secara beransur-ansur selepas Jun 2020. Permintaan yang kuat daripada kilang-kilang di negara China yang mula beroperasi semula menyebabkan jumlah kendalian kontena melonjak semula.
6. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan meneruskan perjalanannya pada tahun 2021 kerana keadaan pandemik yang belum pernah berlaku sebelumnya ini dikawal dengan prosedur operasi piawai (SOP) ketat yang ditetapkan oleh kerajaan dan semua optimis terhadap keberkesanan pelancaran vaksin Covid-19. Bersama dengan pergerakan aktiviti eksport yang berterusan dan peningkatan momentum dalam penggunaan dan pelaburan, Pelabuhan Klang dijangka mengendalikan 13.5 juta TEU iaitu potensi peningkatan sebanyak 2.3% dalam jumlah pengendalian kontena pada tahun 2021

B. KEMAS KINI ISU KESESAKAN DI PELABUHAN KLANG

1. Pada bulan November dan Disember 2020, Pelabuhan Klang berdepan dengan cabaran kesesakan di pelabuhan. Senario ini turut dialami oleh semua pelabuhan utama di rantau ini dan juga di tempat lain. Faktor utama berlakunya keadaan ini ialah ketibaan kapal dan kontena secara mendadak di Pelabuhan Klang pada suku ke-3 tahun 2020 dan berlakunya kelewatan ketibaan kapal dari pelabuhan sebelumnya. Disebabkan kesesakan, tempoh menunggu bagi kapal berlabuh di dermaga adalah selama 3 hingga 4 hari berbanding dengan kurang daripada 24 jam sebelum ini. Pada masa yang sama, penggunaan kapasiti yad kontena hampir mencapai 100% khususnya kontena *reefer*.
2. Satu mesyuarat bagi membincangkan isu kesesakan di Pelabuhan Klang terutamanya di Westports yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah diadakan pada 28 Disember 2020 bersama pihak yang berkaitan termasuk Lembaga Pelabuhan Kelang, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Kastam Diraja Malaysia (JKDM), persatuan peruncit, dewan perniagaan dan pemain industri. Perbincangan memberi tumpuan kepada laporan/aduan kesesakan di Pelabuhan Klang khususnya Westports dan kelewatan pelepasan kargo sejuk (*reefer*) selama 5-7 hari berbanding dengan 2 hari sebelum ini.
3. Dua Mesyuarat Pasukan Petugas telah diadakan sejak itu oleh Lembaga Pelabuhan Klang bersama dengan Northport, Westports, MAQIS, JKDM dan Persatuan Pengangkutan dan Logistik Selangor (SFFLA) pada 29 dan 31 Disember 2020. Pada 31 Disember 2020, satu mesyuarat juga diadakan antara LPK, Northport, Westports dan beberapa syarikat perkapalan utama di Pelabuhan Klang.

Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani kesesakan di Pelabuhan Klang adalah:

PENINGKATAN KEBERKESANAN OPERASI KONTENA YAD

- i. Westports telah mewujudkan ruang tambahan untuk penyimpanan kontena termasuk kontena *reefer* dengan kemudahan bekalan elektrik yang telah mula beroperasi sejak 28 Disember 2020;
- ii. LPK telah mengarahkan pihak konsaini untuk mempercepatkan proses pengambilan kontena dengan kadar segera dalam tempoh 24 jam selepas *gate pass* dikeluarkan dan segala kelulusan pihak JKDM dan MAQIS diperolehi agar lebih banyak kontena *reefer* yang berstatus *hold* boleh diperiksa serta mengelakkan kawasan Terminal dijadikan sebagai tempat penyimpanan.
- iii. Penarikan balik tempoh tambahan percuma untuk penyimpanan kontena (*additional free storage time*) kuatkuasa 1 Jan 2021 dan mengecualikan caj SSR sekiranya kontena kosong yang berada di yad untuk dieksport ditukar status dan digunakan untuk eksport tempatan bagi mengurangkan lambakan kontena di kontena yad.

MENINGKATKAN KECEKAPAN PELEPASAN KASTAM

- iv. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyediakan kaunter khas untuk memproses kontena *reefer* dan barangan mudah rosak (*perishable goods*) serta menambah bilangan Pegawai / Kakitangan untuk pengikraran Borang K1 (import) bagi memudahkan urusan pelepasan kontena *reefer*.

- v. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga telah membuat penambahan bilangan Pegawai / Kakitangan untuk meningkatkan kadar pemeriksaan kontena *reefer* serta mempercepatkan proses pelepasan dengan peningkatan pemeriksaannya sehingga 200 kontena sehari berbanding 100 sebelum ini.

EJEN PENGHANTARAN

- vi. SFFLA telah mengadakan beberapa kali mesyuarat bersama ahlinya dan mengarahkan mereka untuk mengambil kontena mereka dengan segera sebaik sahaja *gate pass* dikeluarkan.

MENCAPAI KATA SEPAKAT DENGAN SYARIKAT PERKAPALAN

- vii. Memasti kapal-kapal terus membuat persinggahan di Pelabuhan Klang dan menyediakan slot yang secukupnya bagi kontena eksport dari Pelabuhan Klang.
- viii. Slot yang dikosongkan selepas kontena dipunggah diberi keutamaan untuk kontena eksport dimuatkan tertakluk kepada pelabuhan-pelabuhan singgahan seterusnya
- ix. Mengurus dan mengatur perkhidmatan Main Line atau Feeder yang secukupnya untuk membawa keluar kontena-kontena transshipment yang disimpan di yad untuk tempoh yang lama.
- x. Keutamaan berlabuh diberikan kepada kapal-kapal yang bilangan kontena muatan (*loading*) adalah lebih dari jumlah punggahan (*discharge*) supaya jumlah kontena di yad simpanan dapat dikurangkan.
- xi. Memberi keutamaan berlabuh kepada kapal-kapal *Feeder* yang membawa keluar kontena transshipment.
- xii. Tempoh menunggu bagi kapal berlabuh di dermaga selepas tiba di Pelabuhan Klang adalah 2 hari secara purata bagi bulan Disember 2020

PENAMBAHBAIKAN KE ATAS KEADAAN KESESAKAN

- 4. Kapasiti kontena yad terkini di Westports adalah sebanyak 211,149 TEU dengan penggunaan semasa 89.1% pada bulan Disember 2020 berbanding dengan 93.1 % pada bulan November 2020. Manakala kapasiti yad kontena sejuk adalah 4,750 TEU dengan penggunaan semasa hampir 100%.
- 5. YBhg. Datuk Chong Sin Woon, Pengerusi LPK telah turun padang ke Westports hari ini untuk memeriksa kemajuan tindakan yang telah diambil oleh LPK dan Ahli Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas dalam menangani keadaan kesesakan di pelabuhan.
- 6. LPK yakin dengan kerjasama erat dari semua pemegang taruh dan fasilitasi daripada agensi kerajaan, masalah kesesakan di Pelabuhan Klang akan diselesaikan pada pertengahan Januari 2021.

DATUK CHONG SIN WOON

Pengerusi

Lembaga Pelabuhan Kelang







PORT KLANG AUTHORITY

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

PRESS STATEMENT

4 January 2021

PORT KLANG PERFORMANCE 2020 AND UPDATE ON PORT CONGESTION

A. PORT KLANG PERFORMANCE 2020

1. There is no doubt that 2020 is a year full of challenges for most container ports in the world including Port Klang. The COVID-19 pandemic has caused an effect to the volume of container handling worldwide with initially weak trade demand due to the movement control order (MCO) and the closure of national borders implemented and now operational issues with the boom in the recovery period.
2. Port Klang Authority (PKA) reports that in the **year 2020**, Port Klang recorded a **2.5% drop in container handling** as compared to 2019 with a total of **13,243,741 TEUs**.
3. **Import containers throughput recorded a growth of 0.4% at 2,558,902 TEUs** as compared to 2019 and **Export containers also saw a growth of 3.2% at 2,564,900 TEUs** as compared to 2019. However, in terms of **transshipment, Port Klang registered a drop of 5.0%, handling 8,119,939 TEUs** as compared to 2019, thus causing an overall drop in volume handled for the year.
4. Port Klang was expected to experience container handling growth of 3.7% in early 2020. This projection was revised in June to 16.3% drop in container handling after Malaysian economy slowed down due to Movement Control Order (MCO) implementation for three months throughout Malaysia as a measure to prevent Covid-19 transmission in this country.
5. This projection was once again revised to a drop of 2.5% as Malaysia's economic performance gradually increased after June 2020. Strong demand from factories in China after resumed operation caused the volume of container handling to soar again.
6. Malaysia's economic growth is expected to continue its journey towards recovery in 2021 as this unprecedented pandemic situation is being controlled with the strict Standard Operating Procedures set by the government and is optimism to the effectiveness of the launch of Covid-19 vaccination. Together with continued export movements and increased momentum in consumption and investment, for 2021, Port Klang is expected to handle 13.5 million TEUs, a potential increase of 2.3% in total container handling

B. UPDATE ON PORT CONGESTION

1. In November and December 2020, Port Klang was challenged by the situation of congestion at the port. This scenario is also experienced by all major ports in the region and elsewhere. The main reasons for this is due to a sudden surge of vessels and container arriving at Port Klang in the third quarter of 2020 and the delay in the arrival of ships from the preceding port. Due to congestion, the waiting for a berth in Port Klang is 3 to 4 days compared to less than 24 hours previously. At the same time, the capacity of the container yard is almost 100%, especially reefer container yard.
2. A Meeting chaired by YB Minister of Transport on 28 December 2020 as held on the issue of congestion at Port Klang, mainly at Westports was held at the Ministry Of Transport together with the relevant agencies including Port Klang Authority, MAQIS, Royal Malaysian Customs, the retailers associations, Chamber of Commerce and industry players. The discussion focused on the reports/complaints of the congestion at Port Klang mainly Westports and the delay in clearing reefer cargo from the norm of 2 days clearance to now 5-7 days.
3. Two Task Force Meetings have been held since by Port Klang Authority together with Northport, Westports, MAQIS, Royal Malaysia Customs Department and Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA) on 29 and 31 December 2020. A separate meeting was held on 31 December 2020 between Port Klang Authority, Northport, Westports and several of Port Klang's main Shipping Lines.

Among the measures that have been taken to resolve the congestion situation in Port Klang are:

INCREASING CONTAINER YARD OPERATION EFFICIENCY

- i. Westports has created additional yard space including reefer containers yard space with plug points which have been in operation since 28 December 2020 to accommodate the increasing demand;
- ii. PKA has instructed the consignees to expedite the process of picking up containers within 24 hours after the gate pass is issued and all approvals from Royal Malaysian Customs Department (RMCD) and Department of Quarantine and Inspection Services Malaysia (MAQIS) are obtained so that more reefer containers with hold status can be inspected and avoid the terminal area being used as storage
- iii. Withdrawal of additional free storage period with effective 1 Jan 2021 and exempt SSR charges on empty export containers in the yard if utilized for local exports to free up more space for container storage

INCREASE CUSTOMS AND MAQIS CLEARANCE EFFICIENCY

- iv. RMCD has increased its manpower and a special lane also has been set up to facilitate the declaration of K1 form (Import) and expedite the release of reefer containers process.
- v. MAQIS has also increased the number of officers on duty to speed up reefer container inspection and release process to 200 containers a day compared to the previous 100.

FREIGHT FORWARDERS

- vi. SFFLA has had several meetings with their members to instruct them to take delivery of their containers as soon as gate passes have been issued.

MUTUAL AGREEMENT WITH MAJOR SHIPPING LINES

- vii. Ensuring vessels continue to call Port Klang (avoid omitting Port Klang from the sailing itinerary) and provide adequate slots for export containers from Port Klang
- viii. Vacant slots arising upon discharge at Port Klang are to be utilized for loading of export containers, subject to the vessels’ subsequent ports of call
- ix. To deploy adequate Main Line or Feeder vessels to evacuate long-staying transshipment containers from the container yard.
- x. Priority berthing is given to ships with more containers to be loaded than discharged so that the number of containers in the storage yard can be reduced.
- xi. prioritized berthing to Feeder vessels loading transshipment containers out of the port
- xii. The current waiting period for berthing is 2 days on average for December 2020

4. IMPROVEMENTS ON CONGESTION

Current Container yard capacity at Westports is 211,149 TEUs with occupancy rate of 89.1% in December 2020 compared to 93.1% in November 2020. While the capacity of reefer container yard is 4,750 TEUs at Westports with a current utilization of almost 100%, which has also seen improvements in early January 2021 with the action plans implemented.

- 5. Ybhg. Datuk Chong Sin Woon, PKA Chairman, was on the ground today at Westports, Port Klang for a working walkabout to check on the progress of the action plans taken by Port Klang Authority and the Task Force committee members to tackle the situation of congestion at the port.
- 6. PKA is confident with the joint efforts from all the stakeholders coupled with facilitation from related government agencies the port congestion issue will be fully resolved by mid January 2021.

DATUK CHONG SIN WOON

Chairman
Port Klang Authority

.....END.....



